# Ada kakitangan Kerajaan yang menyelewengkan matlamat negara?



*DATUK Seri Dr. Mahathir*

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

kita mempunyai masa tidak sampai 10 tahun lagi untuk menentukan berjaya atau tidaknya pencapaian matalamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Untuk mencapai matalamat yang di cita-citakan bukan semudah yang dikatakan tetapi yang penting ialah pelaksanaan.

Kerajaan dan rakyat harus mengembeling tenaga bagi kejayaannya.

Apa yang menyedihkan, dalam keghairahan kita berlumba-lumba untuk memenuhi hasrat tersebut, terdapat golongan yang sengaja berpeluk tubuh dan tidak mengindahkan hasrat negara.

Perkara mengenai kakitangan Kerajaan ini bukan sahaja dibincangkan oleh ketua-ketua jabatan sahaja malah menjadi perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat.

Perkara yang sama juga dibincangkan dalam perhimpunan agung UMNO ke 32 baru-baru ini dan di mana Pergerakan Wanita UMNO Malaysia mengemukakan satu usul mengenainya.

Pergerakan Wanita menyeru Kerajaan bertindak tegas terhadap pegawai dan kakitangan yang menyelewengkan matalamat pembangunan negara.

## Tuduhan

Di dalam membahaskan usul, berbagai tuduhan dan cadangan-cadangan dikemukakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan.

Kebelakangan ini berbagai gelaran diberi dan beberapa sindiran dibuat terhadap jentera Kerajaan.

Apa yang menarik ialah gelaran yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir yang menggelar setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan sebagai "orang pukul 8.00 hingga pukul 4.00."

Bila disebut sahaja "orang pukul 8.00 hingga pukul 4.00", maksudnya tak lain tak bukan ialah mereka yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan.

Sebenarnya, menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, mereka ini datang lewat dari pukul 8.00, sebaliknya meninggalkan pejabat lebih awal dari pukul 4.00.

Biasanya orang seperti ini selalu menimbulkan masalah pengangkutan sebagai alasan mereka terlambat tiba di pejabat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, biasanya, mereka ini bekerja kerana gaji dan orang seperti ini akan bekerja seberapa kurang yang boleh hanya untuk mengelakkan dari dikenakan tindakan disiplin sahaja.

Apa yang menyedihkan lagi ialah golongan seperti ini biasanya tidak berapa suka melayan orang-ramai. Jika ada sesiapa yang datang untuk berjumpa, mereka akan mengambil masa seberapa lama untuk menghabiskan apa juga kerja yang mereka buat tanpa mengambil kira bahawa orang yang datang juga mempunyai tugas dan kesempitan masa.

Sesuai dengan keadaan seperti ini, wakil Pergerakan Wanita, dalam persidangan UMNO baru-baru ini menggesa Kerajaan bertindak ke atas pegawai yang bersifat angkuh dan tidak memperdulikan hasrat dan aspirasi rakyat semasa menjalankan tugas.

Puan Latiffah Abdul Ghafar antara lain mahu pegawai Kerajaan dilatih memahami dasar-dasar Kerajaan.

Menurutnya, sikap angkuh segelintir pegawai Kerajaan tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia boleh menjejaskan nama baik seluruh kakitangan dan rancangan-rancangan pemerintah.

Ketika merasmikan Seminar Pelaksanaan Pembangunan Negeri Kedah April lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak teragak-agak menasihatkan mana-mana anggota Kerajaan untuk bersara sekiranya mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehendak beban tugas yang dipertanggungjawabkan, tidak kira pangkat atau jawatan yang dipegang.

"Tidak ada tempat untuk 'penumpang' di dalam perkhidmatan awam negara", tegas beliau.

## Panduan

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mempunyai satu birokrasi yang betul-betul profesional. Di samping menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas, sesaorang kakitangan Kerajaan mestilah berupaya menguasai bidang tugas di mana ia bergerak. Ia mesti dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cekap, ada daya usaha dan mempunyai rasa penglibatan yang luhur.

Soalnya sekarang, apa telah jadi dengan Etika Perkhidmatan Awam yang tidak boleh dipertikaikan kebaikannya. Di manakah lesapnya cogan kata "berkhidmat untuk negara". Ikrar demi ikrar dibuat tapi hasilnya masih lagi diragukan.

Mungkin ramai orang lupa tentang teras perkhidmatan yang terkandung di dalam buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang yakni:

- Berazam meninggikan mutu perkhidmatan,
- Bekerja dengan penuh tanggungjawab,
- Berusaha mengikis sikap mementingkan diri,
- Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan,
- Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara,
- Bekerjasama dalam membenteras kelemahan dan musuh-musuh negara, dan
- Berpegang teguh kepada ajaran agama.

Panduan Perkhidmatan Cemerlang adalah jelas bertujuan memberi panduan bagaimana perkhidmatan yang jujur, cekap dan berkesan dapat dicapai dan ditingkatkan dari masa ke semasa.

*Mereka ini bekerja kerana gaji dan orang seperti ini akan bekerja seberapa kurang yang boleh untuk mengelakkan dari tindakan disiplin sahaja*

Dalam usaha mencapai tujuan dan matalamat negara adalah menjadi tanggungjawab setiap kakitangan Kerajaan mengikuti arah yang telah ditentukan berpandukan teras perkhidmatan yang wajib dipatuhi.

Sesungguhnya, sesuatu tugas yang diberikan kepada setiap kakitangan Kerajaan, baik dalam apa jawatan sekalipun adalah amanah rakyat yang diberikan melalui Kerajaan yang mereka pilih.

Dengan hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab mereka menunaikan amanah itu dengan sempurna dan jujur.

Setiap kakitangan Kerajaan patutlah merasa bangga dan megah oleh kerana mereka dipilih di antara ribuan manusia yang ingin mendapat pekerjaan yang sama.

Ketua Pengarah Yunit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia, (MAMPU), Dr. Mohd Nor Ghani pernah menulis mengenai punca kelemahan perkhidmatan awam. Beliau membahagikannya kepada 6 faktor penting keadaan tersebut berlaku.

**(1). Tidak tahu menjalankan kerja dan tidak yakin diri.**

Pegawai seperti ini biasanya bergantung semata-mata kepada arahan atau panduan yang ada sebagai asas bertindak.

Dia langsung tidak berani bertindak jika tidak ada arahan atau panduan yang tegas, apa lagi untuk menyesuaikan sesuatu arahan atau panduan dengan keperluan masa dan keadaan.

**(2). Pegawai sombong dan angkuh kerana pembawaan peribadi.**

Ini mungkin disebabkan didikan dan cara hidup dalam keluarganya.

Pengaruh pangkat dan harta selalu memberi kesan yang dalam, apalagi sewaktu kecilnya dia terlampau dimanjakan. Penggunaan bahasa yang kesat dan kasar tidak dihiraukan terutama jika ibubapa selalu menggunakan kata-kata begitu.

Perangai begini tidak dapat diubah dengan latihan akademik atau latihan mengenai cara bekerja saja. Pegawai ini mungkin cekap dan bertanggungjawab, tetapi apabila terdesak dengan kesibukan kerja atau perkara yang rumit, dia akan bingkas dan melepaskan marahnya kepada sesiapa saja.

Seseorang yang sombong akan menjadi lebih tinggi hidungnya apabila pangkatnya semakin naik.

**(3) Mereka yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab.**

Perbuatan seperti ini mungkin kecil sahaja, misalnya seseorang pegawai tidak peduli apa yang terjadi kepada orang ramai untuk menjaga kesenangan sendiri, menipu Kerajaan atau melakukan rasuah.

Contoh lain ialah pegawai yang tidak menjalankan tugas dengan penuh minat dan dedikasi, tidak betul-betul berusaha menolong dan membantu masyarakat atau pegawai yang menggunakan pangkat serta kedudukan rasminya untuk kepentingan diri sendiri.

## Cemburu

**(4) Punca kelemahan dan kejadian redtap timbul dari perasaan cemburu dan irihati.**

Terdapat pergaduhan kerana soal kuasa dan tanggungjawab antara satu pihak.

Lebih buruk lagi ialah apabila pegawai-pegawai dalam satu jabatan atau kementerian itu sendiri berebut kuasa sehingga ada yang tak bertegur sapa dan tak mahu langsung bekerjasama.

**(5) Pimpinan dan pengawasan yang lemah.**

Pimpinan yang tegas tidaklah semestinya bererti yang keras dan selalu sahaja mencari salah orang-orang bawahan untuk dihukum tanpa memberi peluang membetulkan diri dan mengatasi kelemahan yang ada. Ini boleh merosakkan semangat bekerja pada keseluruhannya.

Apa yang dimaksudkan dengan pimpinan yang tegas ialah pimpinan yang dapat memberi arah sewajarnya dari peringkat pegawai atasan sampai ke pegawai bawahan, memberi keterangan yang cukup tentang tujuan sesuatu pejabat dan cara kerja yang dijalankan, memberi perangsang dan semangat kepada semua pekerja untuk berkhidmat dengan sebaik-baiknya kepada masyarakat, mengesan kelemahan yang ada serta mencari jalan mengatasinya, menyelesaikan masalah kerja supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan senang hati, selesa dan sebagainya.

**(6) Masalah peralatan pejabat.**

Sistem pentadbiran tidak boleh berjalan dengan cekap dan licin sesuai dengan keperluan semasa, jika peralatan pejabat yang digunakan adalah peralatan lama, sudah usang dan ketinggalan zaman.

Faktor-Faktor yang dikemukakan oleh Dr. Mohd Nor Ghani itu bukanlah diluah-luahkan hanya untuk melepaskan batuk di tangga tetapi sudah tentulah hasil dari penyelidikan yang telah dijalankan.

Sekiranya, kejadian serupa itu berlaku di tempat kita, maka haruslah diambil tindakan untuk mengubahkan dengan segera supaya ia tidak berulang dan dengan itu segala perjalanan dan urusan pejabat akan berjalan lancar.

Menurut perangkaan, terdapat lebih 700,000 kakitangan Kerajaan yang sedang bertugas dalam perkhidmatan awam.

Dalam rancangan Malaysia Keempat, kira-kira 191,700 pekerjaan lagi akan diwujudkan. Ini adalah perkembangan pada kadar 4.6 peratus.

Perkembangan sumber tenaga manusia, selaras dengan keperluan tenaga manusia adalah penting bagi menjayakan usaha-usaha pembangunan negara.

Dalam hubungan ini keutamaan akan terus diberi kepada kemajuan tenaga manusia dan pengurusan sumber tenaga manusia yang lebuh berkesan bagi memudahkan sumber-sumber ini secara optima selaras dengan matalamat Dasar Ekonomi Baru.

Perhatian yang lebih akan diberi bagi mensesuaikan sistem-sistem pelajaran dan latihan melalui penyusunan semula kursus-kursus dan penubuhan lebih banyak lagi institusi vokesyenal.

Usaha menambah peluang-peluang pekerjaan akan dipergiatkan untuk memenuhi keperluan tenaga buruh yang semakin bertambah dan mengurangkan pengangguran dan guna tenaga tidak penuh di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Haruslah diingat, penduduk Malaysia dianggarkan bertambah pada kadar purata 2.6 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dari 14.3 juta dalam tahun 1980 kepada 16.2 juta dalam tahun 1985.

## Bertambah

Penduduk Semenanjung Malaysia dijangka bertambah pada kadar purata 2.4 peratus setahun dalam tempoh tersebut.

Bilangan penduduk dalam lingkungan umur persekolahan 6-18 tahun di Semenanjung Malaysia dijangka bertambah pada kadar purata 1.5 peratus setahun dari 3.7 juta dalam tahun 1980 kepada kira-kira 4 juta dalam tahun 1985.

Memandangkan pertambahan tenaga yang akan memasuki pasaran buruh, kita berharap kakitangan Kerajaan akan menyedari hakikat ini bahawa mereka tidak harus mengabaikan tugas yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada mereka.

Mereka juga harus sedar betapa perlunya pekerjaan kepada mereka yang akan memasuki pasaran buruh akan datang.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia